

---

ORIGINAL ARTICLE

---



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## PEMAHAMAN GURU TERHADAP KAEDAH SIMULASI PENERAPAN AMALI SIVIK MODUL EXEMPLAR PENDIDIKAN SIVIK TAHAP 1 PENDIDIKAN MORAL

## TEACHER'S UNDERSTANDING OF THE SIMULATION METHOD IN THE CIVIC EDUCATION EXEMPLAR MODULE FOR LEVEL 1 MORAL EDUCATION

**Kalaivani Muniandy<sup>\*1</sup>, Vasanthan Gurusamy<sup>2</sup>, Asif Mohiuddin<sup>3</sup>,  
Punitah Munusamy<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia

Email: [kalaioum08@gmail.com](mailto:kalaioum08@gmail.com)

<sup>2</sup> Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia

Email: [vasanthangurusamy@gmail.com](mailto:vasanthangurusamy@gmail.com)

<sup>3</sup> Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia

Email: [asif.mohiuddin09@gmail.com](mailto:asif.mohiuddin09@gmail.com)

<sup>4</sup> SJK(T) Ladang Matang, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Email: [punitahsarkunan2015@gmail.com](mailto:punitahsarkunan2015@gmail.com)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/310>

### Abstract

The understanding of a teaching method in the implementation of a new module is very important for teachers to achieve objectives in teaching and learning. Therefore, this article discusses the teachers' understanding of the simulation method in the application of civic practice Exemplary Module of Civic Education Level 1 for the subject of Moral Education at Larut Matang and Selama District SJKT. A total of 5 Moral Education teachers from Years 4 to 6 from two schools were used for the purpose of data collection. Qualitative techniques using interview protocol instruments, observation protocols and document analysis aim to collect data. The findings of the study show the teachers' understanding of the Simulation method and the Civic Education Exemplar Module to help teachers in the implementation of Moral Education subjects.

**Keywords:** Exemplary Module of Civic Education, Simulation method,

## Abstrak

Pemahaman terhadap kaedah pengajaran simulasi dalam pelaksanaan modul baharu amat penting kepada guru bagi pencapaian objektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, artikel ini membincangkan pemahaman guru terhadap kaedah simulasi dalam penerapan amali sivik Modul Exemplar Pendidikan Sivik Tahap 1 bagi matapelajaran Pendidikan Moral di SJKT Daerah Larut Matang dan Selama. Seramai 5 orang guru Pendidikan Moral Tahun 4 hingga 6 dari dua buah sekolah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrument protokol temubual, protokol pemerhatian dan analisis dokumen bertujuan untuk mengumpul data. Dapatkan kajian menunjukkan pemahaman guru terhadap kaedah simulasi dan Modul Exemplar Pendidikan Sivik membantu guru bagi pelaksanaan matapelajaran Pendidikan Moral.

**Kata Kunci:** Modul Exemplar Pendidikan Sivik, Kaedah Simulasi

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 17<sup>th</sup> July 2024, revised 20<sup>th</sup> August 2024, accepted 15<sup>th</sup> September 2024

## Pengenalan

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) memberi penekanan agar guru melaksanakan pendekatan penerapan nilai merentasi kurikulum dalam pengajaran bagi mencapai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Guru merupakan komponen penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Amalan pengajaran-pembelajaran guru yang berkesan bermakna pengajaran guru tersebut di anggap baik jika guru tersebut berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar dan mendalami isi kandungan yang hendak di ajar. Menurut Yahya Othman, 2012, keberkesanan pengajaran dapat dinilai melalui kepelbagaiannya bahan dan teknik yang digunakan ketika mengajar. Maka, Modul Exemplar Pendidikan Sivik dibangunkan sebagai panduan untuk membantu guru bagi membolehkan murid menguasai kandungan pendidikan sivik. McDiarmid et al (1989) dan Grossman et al (1989) berpendapat penguasaan pengetahuan dan pemahaman kandungan menentukan keupayaan guru memindahkan pengetahuan kepada murid – murid. Setiap amalan dan tingkah laku guru akan mempengaruhi dan memberi impak yang besar terhadap proses pengajaran. Guru bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga memberi garis panduan bagi memahami dan menilaikan sesuatu perkara terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini kerana, guru adalah sumber penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar. Guru berperanan dalam mengembangkan bakat, minat dan kebolehan pelajar malahan menjadi wadah dalam membina daya pemikiran kritis dan kreatif pelajar agar dapat menyesuaikan diri dengan setiap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka satu hari nanti. Guru juga seharusnya bijak merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan individu, kumpulan dan keseluruhan kelas (Habsah 2014).

## Kajian Literatur

Golongan pendidik perlu memainkan peranan yang berkesan bagi memastikan matlamat yang digariskan oleh KPM dapat dicapai. Oleh itu, tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi sesuatu mata pelajaran yang diajar adalah amat penting. Ini kerana tahap kesediaan guru yang tinggi dapat memastikan proses pengajaran yang disampaikan oleh para guru berjalan dengan berkesan. Pendekatan pengajaran yang merangkumi pengetahuan pedagogi yang bersesuaian dengan peringkat murid yang diajar juga merupakan penentu kritikal terhadap kejayaan sesuatu pengajaran itu (Aida Suraya 1999). Kekurangan penguasaan tentang pengetahuan kandungan telah nyata menjadi satu sebab kenapa guru gagal memberi sokongan moral kepada anak murid (Abdul Rahim Abd. Rashid, 2001). Kajian juga menunjukkan bahawa pendidikan sivik gagal memainkan peranan untuk mengukuhkan pengetahuan, nilai dan perasaan kebanggaan kepada negara dalam kalangan generasi muda (Siti Hasnah, Mohd Madzan, & Abdul Raqaz, 2017). Kegagalan ini mempunyai perkaitan dengan faktor pengajaran yang lemah di sekolah sekaligus mempengaruhi penerimaan dan gerak balas murid kepada mata pelajaran pendidikan sivik (Chang, 2005). Strategi terbaru menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), pendidikan sivik disepadukan dalam pelbagai mata pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pelaksanaan Pendidikan sivik menerusi kurikulum memerlukan kesediaan guru yang cukup rapi bagi memastikan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai serta sekaligus melahirkan warganegara murid yang mengetahui hak, bertanggungjawab dan berakhhlak mulia. Di samping itu, pemahaman guru terhadap kaedah pengajaran seperti kaedah simulasi juga di tahap yang rendah. Kajian Rosdi (2000) kepada 182 orang guru mata pelajaran sains di sekolah rendah di daerah Kuantan melalui soal selidik mendapati, kaedah simulasi kurang di aplikasikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor penyebabnya ialah masalah masa, peralatan, kos, pengalaman guru, saiz bilik darjah dan pihak pengurusan sekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa guru mempunyai kekangan dan masalah dari segi proses pelaksanaannya seperti guru kurang memahami kaedah simulasi, peralatan yang tidak mencukupi dan terpaksa disediakan sendiri oleh guru, peruntukan masa yang terhad, saiz bilik darjah yang tidak sesuai, aktiviti yang melibatkan kos dan masalah daripada pihak pentadbir sekolah sendiri.

## **Modul Exemplar Sivik**

Modul Exemplar Sivik ini mengandungi pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik serta pemetaan dan perinciannya. Kandungan yang terdapat dalam pendidikan sivik akan membolehkan murid memahami dan menghayati pelbagai perkara seperti hak asasi, komitmen dan dedikasi, mengapresiasi kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, berkerjasama dalam masyarakat berbilang kaum dan etnik, bertanggungjawab memelihara kelestarian alam sekitar, berunding dan menyelesaikan konflik, serta menyumbang ke arah keharmonian, kemakmuran, dan pembangunan negara. Ini adalah kerana pendidikan kewarganegaraan bermatlamat membentuk kompetensi kewarganegaraan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pembentukan kompetensi kewarganegaraan pelajar berkait rapat dengan pendidikan. Mohd Mahzan et al. (2015) menyatakan bahawa terdapat tiga aspek yang dapat menjadikan seseorang sebagai warganegara yang baik iaitu melalui sistem pendidikan, pengetahuan tentang Perlembagaan Malaysia, dan keprihatinan sebagai masyarakat majmuk. Di samping itu, modul ini juga menyediakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dan kaedah pentaksiran yang boleh dilakukan. Modul ini disediakan sebagai panduan untuk membantu guru bagi membolehkan murid menguasai kandungan pendidikan sivik. Pendidikan sivik pada peringkat sekolah rendah Tahap I dilaksanakan selama satu jam dalam mata

pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Modul dibangunkan berdasar empat nilai teras iaitu kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan dalam membentuk insan yang tahu hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Bagi membantu guru melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran tersebut, suatu Modul Exemplar Pendidikan Sivik dihasilkan sebagai panduan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersepadu menekankan literasi dan amali sivik dalam mata pelajaran sama ada dalam mahupun di luar bilik darjah.


### **Simulasi**

Dalam bidang pengajaran, kaedah simulasi ini telah lama digunakan, iaitu pada tahun 1970-an, di mana sebuah pergerakan di Britain yang dikenali sebagai Gerakan Komunikatif telah mempergiatkan penggunaan teknik ini dalam pengajaran bahasa. Gerakan ini berpendapat bahawa sesuatu bahasa tu tidak seharusnya diajar kerana kepentingannya sahaja, tetapi diajar supaya bahasa berkenaan dapat digunakan dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, bahasa dianggap sebagai alat untuk berkomunikasi. Teknik simulasi ini dapat mengubah kelas yang pasif kepada sebuah kelas yang aktif dan menarik dari segi penglibatan pelajar berbanding sebuah kelas yang didominasi oleh guru dalam proses pengajarannya (Jones 1987).

Di Malaysia, teknik simulasi juga digunakan sebagai salah satu teknik dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Penggunaannya telah disarankan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), terutama dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan Bahasa Melayu. Melalui teknik simulasi, pelbagai kemahiran dapat digabung jalinkan dan dipertingkatkan terutama dalam kemahiran lisan, bacaan dan menulis. Teknik simulasi dapat mewujudkan pelbagai aktiviti yang menarik seperti memperkaya dan memperluas pengetahuan dan pengalaman pelajar kerana mereka berpeluang menjalankan aktiviti seperti mengumpul maklumat, berbincang, bertukar-tukar fikiran, main peranan, membuat laporan dan sebagainya.

### **Prosedur Kajian**

Keseluruhan kajian ini akan melihat pemahaman guru terhadap kaedah simulasi dalam penerapan amali sivik Modul Exemplar Pendidikan Sivik tahap 1 bagi matapelajaran Pendidikan Moral . Penyelidik menilai pendedahan yang diterima oleh guru-guru mengenai Modul Exemplar Pendidikan Sivik.Seterusnya pengalaman guru-guru mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Akhirnya, keupayaan guru dalam implementasi kaedah simulasi semasa amali sivik. Rajah 3.2 menunjukkan rangka kerja aktiviti yang dilakukan oleh penyelidik dan juga jenis instrument kajian yang akan digunakan bagi mengumpul data. Empat jenis instrumen kajian digunakan dalam pemahaman guru terhadap kaedah simulasi dan Modul Exemplar iaitu protocol temu bual, pemerhatian, dokumen dan rakaman video.

**Rajah 1***Rangka Kerja Proses Mengumpul Data***Reka Bentuk Kajian**

Penyelidik membuat kajian terhadap peserta kajian yang melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah. Disebabkan penyelidik ingin membuat kajian terhadap pemahaman guru terhadap kaedah simulasi dalam penerapan amali sivik Modul Exemplar Pendidikan Sivik maka lokasi dan jenis sekolah harus diberi keutamaan. Dalam membuat sesuatu kajian pemilihan peserta kajian perlu mengambil kira tempat atau lokasi peserta kajian supaya unsur bias tidak wujud (Palys,2008). Dalam kajian ini penyelidik memilih dua buah sekolah yang terdiri daripada sekolah bandar dan luar bandar. Kedua sekolah ini memenuhi kesemua kriteria seperti mempunyai kelas Pendidikan Moral dan guru berpengalaman mengajar matapelajaran Moral daripada kedua-dua jantina.

**Teknik Mengutip Data**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah triangulasi iaitu pemungutan data melalui tiga cara. Pertama, melalui temu bual, kedua, melalui pemerhatian dan ketiga, melalui dokumen. Pengumpulan data yang sedemikian secara langsungnya mempunyai lima prinsip iaitu kesediaan di mana maklumat yang diperoleh boleh dipercayai, keasliannya di mana ketepatan data yang boleh disemak puncanya, pengumpulan maklumat yang mencukupi untuk membuat rumusan, maklumat yang dikumpulkan relevan dengan kajian dan data-data yang diperolehi boleh dianalisis dengan menggunakan statistik.

## Analisis Data

Data kajian yang diperoeh dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema berdasarkan langkah-langkah yang disyorkan oleh Braun & Clarke (2006). Proses analisis data kualitatif ini membabitkan langkah-langkah seperti pengurusan dan penyedian data, transkripsi, reduksi dan penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub tema serta paparan hasil (Braun & Clarke, 2006). Langkah-langkah seperti yang disyorkan oleh Braun & Clarke (2006) telah dipetik dalam Nadarajan (2014). Data yang telah melalui proses pengekodan akan dipecahkan mengikut tema atau kategori. Kesemua data yang diperoleh disusun untuk menjawab soalan kajian.

## Dapatan Kajian

### Tema 1

Daripada hasil temubual yang dijalankan bersama lima informan, penyelidik mendapati pemahaman dan penguasaan tentang modular exemplar Pendidikan Sivik ini amat terhad di kalangan guru. Berikut adalah hasil dapatan temubual daripada peserta kajian 2, 3 dan Informan 5.

- |                       |   |
|-----------------------|---|
| Soalan 1 Penyelidik : | Baik, kita pergi kepada bahagian pertama iaitu pengetahuan am.<br>Soalan pertama di bahagian ini adalah, apakah yang anda faham mengenai Modul Examplar Pendidikan Sivik? |
| Peserta Kajian 2 :    | aaa..setahu saya, Modul Examplar Sivik ini masih baru perlu dijalankan sekali pada minggu ketiga setiap bulan.  |
| Peserta Kajian 3 :    | Baik. Setahu saya modul ini perlu dijalankan dalam empat matapelajaran.   |
| Peserta Kajian 5 :    | aaa..setahu saya, Modul Examplar Sivik ini masih baru dan perlu dijalankan sekali pada minggu ketiga setiap bulan.  |
| Soalan 2 Penyelidik : | Apakah yang dimaksudkan dengan amali sivik?   |
| Peserta Kajian 2 :    | mm..amali sivik adalah penerapan nilai sivik dalam bentuk main peranan.   |
| Peserta Kajian 3 :    | mm..amali sivik ..tidak pasti.  |
| Peserta Kajian 5 :    | mm..amali sivik adalah penerapan nilai sivik dalam bentuk main peranan.   |

Hasil daripada ketiga-tiga dapatan di atas, maka jelas menunjukkan bahawa penguasaan pedagogi mengenai Modul Examplar Pendidikan Sivik di tahap yang sederhana dimana peserta yang kedua sewaktu disesi temubual menerangkan bahawa ia adalah modul yang baru dan maklumat yang diterima sangat terhad dan tidak adanya tindakan susulan selepas ia dilancarkan. Peserta yang ketiga pula menerangkan Pendidikan Sivik perlu diselitkan dalam empat matapelajaran, ia sepatutnya lima matapelajaran iaitu, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Sejarah. Peserta ini juga kurang pasti dengan kefahaman amali sivik. Manakala peserta yang kelima pula menerangkan bahawa ia dilaksanakan pada minggu ketiga. Sepatutnya, ia dilaksanakan pada minggu keempat bersama dua waktu Pendidikan Moral. Maka, di sini sudah pastinya berlaku keciran maklumat.

**Jadual 1***Dapatan Data Pemerhatian (Pes.1/p 14.5/ YMHA)*

Dapatan data pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dari peserta pertama mendapati kajian menyokong dapatan temubual ini. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, di mana penyelidik mendapati guru telah menerangkan kepada murid bahawa minggu tersebut adalah pengajaran berasaskan nilai amali pendidikan sivik.

**Jadual 2***Dapatan Data Pemerhatian (Pes.2/p 14.5/ YMHA)*

Pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh rakan kolaborasi bagi peserta kedua pula mendapati guru menerangkan bahawa nilai sivik yang diterapkan pada hari tersebut di set induksi lagi. Ia diikuti pelaksanaan aktiviti main peranan bagi tema situasi yang diberi

**Jadual 3***Dapatan Data Pemerhatian ((Pes.3/p 10.11/ LS))*

Pemerhatian yang telah dilakukan oleh salah seorang pemerhati pula menunjukkan murid sudah meneka bahawa minggu ini adalah penerapan nilai sivik. Reaksi murid yang sudah memahami dengan persoalan guru di awal pengajaran menandakan bahawa murid kerap melalui dengan situasi amali sivik ini.

**Jadual 4***Dapatan catatan pemerhatian*

Rakan kolaborasi bagi peserta pertama mendapati bahawa guru memulakan sesi pengajaran dengan maklumkan bahawa minggu keempat ini adalah pelaksanaan bagi Modular Examplar Pendidikan Sivik. Catatan bagi peserta kedua juga mendapati guru menerangkan set induksi dengan nilai sivik yang diterapkan dan disusuli dengan aktiviti main peranan bagi tema situasi yang diberi berlandaskan nilai sivik. Dapatan pemerhatian bagi peserta ketiga pula menunjukkan murid meneka bahawa minggu tersebut adalah gabungan pengajaran bersama nilai sivik. Ini bermakna murid sudah ada pengalaman melalui situasi tersebut setiap minggu keempat.

**Jadual 5***Rancangan Pengajaran Harian (Pes.1RPH/30.11/LS)*

Kedua-dua analisis disokong oleh analisis dokumen yang diperolehi daripada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru Pendidikan Moral oleh penyelidik. Guru membuat catatan Pendidikan Sivik di bahagiam matapelajaran pada minggu keempat. Aktiviti bagi minggu tersebut pula dicatat sebagai amali sivik. Maka, sudah jelasnya guru-guru Pendidikan Moral melaksanakan amali sivik pada minggu keempat seperti yang ditetapkan oleh kementerian. Di ruangan refleksi

pula dicatatkan. Pengajaran Pendidikan Moral bagi nilai kejujuran hari ini diselitkan dengan nilai kegembiraan dari Modul Examplar Pendidikan Sivik. Murid dapat menzahirkan perasaan bersikap jujur terhadap ahli keluarga. Disamping perasaan kegembiraan apabila berkelakuan jujur.

## Pengetahuan Kandungan

Daripada hasil temubual yang dijalankan bersama lima informan, penyelidik mendapati pemahaman dan penguasaan tentang modular exemplar Pendidikan Sivik ini amat terhad di kalangan guru. Berikut adalah hasil dapatan temu bual daripada informan 1,dan Informan 4.

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| Soalan 3 Penyelidik : | Adakah anda pernah melihat Modul Exemplar Pendidikan Sivik?                                  |
| Peserta Kajian 1 :    | Ya, kami telah menerima softcopy modul tersebut.   |
| Peserta Kajian 4 :    | Ya, saya menyimpan dalam bentuk softcopy.  |
| Soalan 4 Penyelidik : | Adakah anda sudah mendalami semua tajuk yang terdapat dalam Modul Exemplar Pendidikan Moral? |
| Peserta Kajian 1 :    | Adalah baca sikit-sikit..nak kata semua tajuk tu..belum lagi                                 |
| Peserta Kajian 4 :    | mmm..adalah yang berkaitan dengan tajuk-tajuk tertentu.                                      |

Berdasarkan temubual diatas, peserta 1 dan 4 telah mempunyai modul Exemplar secara Softcopy. Ini kemungkinan menghadapi kesukaran untuk mencetak sejumlah 184 muka surat. Di samping itu, kedua-dua peserta ini belum menguasai kesemua tajuk yang terdapat dalam Modul Exemplar Pendidikan Moral.

## Jadual 6

*Dapatkan data pemerhatian (Inf.1/p 14.5/ YMHA)*

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, penyelidik mendapati guru telah menerangkan kepada murid bahawa tajuk yang akan dipelajari serta objektif yang akan dicapai di akhir sesi pembelajaran

## Pemilihan Kaedah

Langkah awal yang perlu dilakukan oleh guru sebelum memulakan PdP di dalam bilik darjah ialah guru perlu merancang pengajaran. Kepentingan menggunakan variasi teknik dan kaedah mengajar dalam situasi pengajaran ialah untuk menarik perhatian murid. Dengan teknik dan kaedah pengajaran yang kreatif, murid akan berasa seronok dan secara tidak langsung mereka akan memberi perhatian terhadap apa yang ingin disampaikan oleh guru. Kaedah dan teknik juga penting untuk mengekalkan perhatian murid terhadap sesi pengajaran guru. Apabila murid tertarik dengan kaedah dan teknik mengajar yang digunakan oleh guru, perhatian murid akan dapat dikekalkan sepanjangsesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga, pemilihan kaedah dan teknik yang sesuai boleh membangkitkan rasa ingin tahu dalam diri murid. Contohnya seorang guru menggunakan teknik bercerita untuk mengajar, murid akan bertanya-tanya apakah kesudahan cerita tersebut.

Maka pemilihan kaedah bergantung kepada sejauh mana penguasaan pedagogi guru terhadap Modul Exemplar yang baru diperkenalkan pada tahun 2019 ini supaya 4 nilai yang diulangi sepanjang tahun selari dengan nilai teras Pendidikan Moral dan pelaksanaan amali sivik dapat dihayati oleh murid. Berikut merupakan hasil temubual daripada Informan 1 dan 3 .

**Soalan 5 Penyelidik:** Adakah guru memperolehi pengetahuan mengenai Modul Exemplar dengan mengikuti program atau kursus yang diadakan?

- |                     |   |   |
|---------------------|---|---|
| Peserta 1           | : | mmm..hanya kursus dalaman di sekolah Sahaja.  |
| Peserta 2           | : | Guru yang mengikuti kursus di daerah yang menyampaikan secara dalaman di sekolah.   |
| Peserta 3           | : | Ada secara kursus dalaman di peringkat sekolah.   |
| Soalan 6 Penyelidik | : | Adakah guru bersetuju bahawa kursus mengenai Modul Exemplar Pendidikan Sivik penting untuk pemilihan kaedah pengajaran dalam penerapan amali sivik? |
| Peserta 1           | : | Ya. Sudah tentunya. baru kami dapat rancang pengajaran.   |
| Peserta 2           | : | Sangat perlu. kerana yang ini masih baru dan hanya dilaksanakan sekali sebulan.   |
| Peserta 3           | : | Ya bersetuju.   |

Berdasarkan temubual diatas bersama peserta 1,2 dan 3 mendapati pencerahan mengenai Modular Exemplar ini diperolehi melalui kursus dalaman yang dijalankan di sekolah selepas guru lain menghadiri secara bersemuka. Peserta juga jelaskan keperluan kursus sangat penting untuk pemilihan kaedah pengajaran dalam penerapan amali sivik bagi merancang pengajaran. Maka terbuktilah bahawa guru Pendidikan moral sangat mengharapkan kursus secara bersemuka bagi mendapatkan info terus daripada pihak pengajur. Ada juga kelebihan apabila guru Pendidikan Moral menghadiri kursus dahulu memandangkan Modul Exemplar ini adalah sesuatu ilmu yang baru dan mempunyai beberapa perkara yang perlu dipatuhi semasa pelaksanaan dan ia berlainan mengikut mata pelajaran.

## Pentaksiran

Pentaksiran dalam bilik darjah merupakan sebahagian daripada aktiviti penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (McMillan, 2000). Tujuan pentaksiran adalah untuk membantu pelajar menguasai isi.kandungan.Pelajaran(Akhbar Ibrahim & Siti Zaliha Reduan, 2002),memperbaiki pembelajaran) pelajar (Gronlund, 2006; Roeber, 2002) dan pemberian gred (Airasian, 2001; Black & William, 1998). Pentaksiran ini termasuklah pentaksiran bertulis atau Pentaksiran secara lisan yang dijalankan sepanjang pelajaran hingga yang dibuat pada akhir tahun (Akhbar Ibrahim & Siti Zaliha Reduan, 2002). Pentaksiran akan membantu guru mengetahui tahap pembelajaran pelajar dan juga keberkesanan pengajaran guru.

Guru merupakan pihak utama yang bertanggungjawab dalam pentaksiran pengajaran dan pembelajaran pelajar, oleh itu kualiti pentaksiran bilik darjah yang diamalkan oleh guru amat diberi perhatian. Para guru perlu mempunyai kemahiran pentaksiran tertentu bagi mengamalkan pentaksiran dengan berkesan. Maka guru dikatakan menguasai sesuatu modul pengajaran apabila mereka menguasai kemahiran pentaksiran yang berkesan. Berikut adalah dapatan temubual bersama informan 2 dan 3

- Soalan 7 Penyelidik :** Adakah guru memperolehi pendedahan mengenai cara Mentaksir modul Exemplar Pendidikan Sivik ini.

---

Peserta 2	:	Guru yang mengikuti kursus di daerah ini turut menerangkan tentang cara pentaksiran pada kursus dalaman di sekolah.
Peserta 3	:	Ya. Kami telah menerima kursus dalaman daripada wakil guru yang menghadiri ke kursus tersebut.
Soalan 8 Penyelidik	:	Adakah guru terikat dengan pentaksiran yang tertentu sahaja dalam menilai pencapaian murid dalam Amali Sivik?
Peserta 2	:	Tidak. Ada pelbagai cara dalam Pentaksirankan. Saya lebih suka secara pemerhatian dimana murid memperbaiki dirinya ke amalan yang baik.
Peserta 3	:	Tidak. Saya mentaksir murid dalam pelbagai cara. Perubahan perwatakan murid yang membina mudah dalam penilaian murid secara amali.

Berdasarkan tembusan bersama peserta 2 didapati, input mengenai cara pentaksiran telahpun diberi pendedahan kepada guru. Di samping itu, guru sendiri mempunyai cara mentaksir murid secara lebih berkesan lagi melalui pemerhatian. Ini kerana perubahan tingkah laku ke arah yang membina insan yang bertanggungjawab adalah antara objektif Pendidikan Sivik. Hasil tembusan dengan peserta 3 juga mendedahkan bahawa semua guru memahami dengan cara pentaksiran berdasarkan Modul Exemplar Pendidikan Sivik ini. Di samping itu pentaksiran pemerhatian diutamakan dalam amali sivik ini. Ini kerana amali adalah sesuatu yang menampakkan perubahan tingkah laku murid berbanding dengan teorinya.

#### Jadual 7

##### *Dapatkan Data Pemerhatian (Pes.1/p 14.5/ YMHA)*

---

Dapatkan data pemerhatian mendapati kajian menyokong dapatan tembusan diatas. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, penyelidik mendapati perubahan kerektor dalam lakonan situasi yang dipilih dalam sesi simulasi. Di sini jelas dibuktikan bahawa murid dapat menilai perwatakan yang membina dalam keadaan tertentu

#### Jadual 8

##### *Dapatkan Data Pemerhatian (Pes.2/p 15.5/ YMHA)*

---

Pemerhatian pula mendapati arahan yang diberikan jelas menunjukkan pentaksiran bukan sahaja berlaku di bilik darjah, namun perubahan watak yang membina akan menentukan kerjaya masa depan.. Ini menerangkan juga bahawa pentaksiran secara pemerhatian sangat diutamakan dalam amali sivik.

#### Jadual 9

##### *Dapatkan Data Pemerhatian (Pes.2RPH/30.11/YMHA)*

---

Analisa dokumen pula mendapati, RPH peserta mencatakan keberkesanan kaedah simulasi dalam penerapan nilai bertanggungjawab Refleksi yang dicatatkan pula adalah, Murid boleh menyatakan perasaan murid yang lain, selepas pelaksanaan tugas berdasarkan jadual tugas kelasnya. Nilai sivik tanggungjawab dapat dihayati oleh semua murid melalui situasi kelas saya tanggungjawab saya.

Maka dapat dirumuskan bahawa guru mempunyai pengetahuan dalam mentaksir murid berlandaskan Modul Exemplar Pendidikan sivik. Pentaksiran secara pemerhatian antara menjadi pilihan utama dalam mentaksir secara amali.

## Tema 2

Tema pengalaman mengajar ini akan menjawab persoalan kedua dalam kajian ini iaitu sejauh manakah guru-guru mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral dengan menggunakan kaedah simulasi.

### Pengetahuan yang dijana

Guru-guru memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan penguasaan dan prestasi mata pelajaran berada pada tahap yang amat membanggakan. Hal ini kerana guru merupakan perantara utama dalam menyalurkan ilmu dan membantu murid-murid untuk memahami dan menguasai sesuatu mata pelajaran. Perkara ini penting kerana murid-murid perlu diberi penekanan untuk menguasai ilmu pengetahuan bukan hanya sekadar mempelajarinya. Menguasai dan mempelajari ialah dua perkara yang berbeza Selain itu, kelemahan guru-guru dari sudut kemampuan mengajar adalah berkait rapat dari sudut pengetahuan guru-guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran.

Sebelum seseorang guru menggunakan kemahiran pedagogi yang dimiliki sama ada melalui pengalaman perguruan serta kursus-kursus dan latihan perguruan yang diikuti, guru-guru perlu menguasai ilmu pengetahuan dengan baik supaya penyampaian pengajaran dapat diterima murid sebagai pembelajaran ilmu yang berkesan. Augustine Ngali (2013) menyatakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru berpunca daripada kelemahan guru-guru menguasai ilmu pengetahuan yang maksimum tentang isi kandungan pengajaran mereka serta pengetahuan kaedah pengajaran bahasa. Guru-guru Pendidikan Moral perlu memastikan diri mereka cukup berketerampilan bukan hanya dari segi ilmu kandungan, tetapi juga dari segi pedagogi sebelum mengajar perkara yang baharu kepada murid-murid. Hal yang sama pernah diutarakan oleh penyelidik sebelum ini, misalnya Magdeline dan Zamri (2012) yang mengatakan gaya pengajaran yang dipilih oleh guru-guru tidak semestinya disukai oleh murid.

Berdasarkan temu bual yang dilakukan oleh penyelidik ke atas Informan 1,3 dan 5, mereka mempunyai pengalaman kurang daripada 3 tahun mengajar matapelajaran Pendidikan Moral. kelima-lima informan kajian menyatakan bahawa kaedah simulasi merupakan lakonan semula satu situasi seakan berlaku di suasana sebenar. Berikut merupakan hasil dapatan temu bual daripada Informan 1, 3 dan Informan 5.

- Soalan 9 Penyelidik : Baik. Kita pergi ke bahagian kedua pula iaitu pengalaman guru. Soalan pertama dalam bahagian ini, berapa lama guru mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral?
- Peserta 1 : Saya 3 tahun berpengalaman.  
Peserta 3 : Saya 5 tahun berpengalaman.  
Peserta 5 : Saya 2 tahun berpengalaman.

- Soalan 10 Penyelidik : Baik, apakah yang dimaksudkan dengan kaedah simulasi?  
Peserta 1 : ..aa.kaedah simulasi ini adalah satu aktiviti berunsur drama

- dimana murid akan berlakon.
- Peserta 3 : Ok..aa.kaedah simulasi merupakan kaedah dimana murid secara berkumpulan akan berlakon berdasarkan satu tema yang diberi.
- Peserta 5 : mm..simulasi adalah satu persembahan

Berdasarkan dapatan temubual bersama peserta 1, mendapati beliau berpengalaman selama 3 tahun mengajar matapelajaran Pendidikan Moral dan memahami dengan kaedah simulasi sebagai satu lakonan. Maka, peserta1 ada pengalaman dalam melaksanakan kaedah simulasi dalam pengajaran matapelajaran Pendidikan Moral.

Dapatan daripada peserta 3pula, yang mempunyai pengalaman mengajar matapelajaran Pendidikan Moral selama 5 tahun, memaklumkan bahawa kaedah simulasi adalah seni lakonan berdasarkan tema yang diberi. Ini menunjukkan peserta 3 pernah menggunakan kaedah simulasi ini semasa pengajaran.

Maka dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga peserta yang ditemubual mempunyai pengalaman mengajar matapelajaran Pendidikan Moral antara 2 hingga 5 tahun. Manakala, pemahaman mengenai maksud simulasi memberikan makna yang lebih kurang sama antara satu sama lain. Peserta juga yakin bahawa kaedah simulasi ini menarik minat murid.

## **Perancangan**

Perancangan pengajaran perlu dilakukan oleh guru dengan baik untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Perancangan pengajaran merupakan suatu amalan yang harus dibuat oleh guru mengenai perkara yang hendak diajar dan bagaimana untuk mengajar sesuatu pengajaran itu supaya dapat difahami oleh individu atau kumpulan yang diajar (Esah Sulaiman 2004). Menurut Burden & Byrd (1999), perancangan sebelum proses pengajaran merujuk kepada keputusan yang dibuat mengenai mengelola, melaksana dan menilai pengajaran. Proses guru membuat keputusan tentang cara memilih dan menyusun pengalaman pembelajaran yang dapat memaksimumkan pencapaian serta kepuasaan guru dan juga pelajar (Cruickshank, 1995). Menurut Esah Sulaiman (2004), perancangan pengajaran merupakan keputusan yang harus dibuat oleh guru mengenai perkara yang hendak diajar dan bagaimana untuk diajarkan supaya dapat difahami pelaja.

Berikut merupakan hasil dapatan temubual bersama Informan 2,3 dan 5 bagi menjawab persoalan mengenai sejauh manakah pengalaman mengajar guru menentukan perancangan yang rapi dalam pelaksanaan kaedah simulasi.

- Soalan 11 Penyelidik : Pada pendapat anda apakah jenis perancangan yang diperlukan bagi pelaksanaan kaedah simulasi?
- Peserta 1 : Setahu saya, kita perlu lihat kepada tajuk hari itu. Lepas tu, bahagikan kumpulan murid dan murid akan melakonkan situasi tersebut.
- Peserta 3 : Bagi kaedah simulasi kita kena rancang dahulu berdasarkan tema yang dipilih. Memberikan watak-watak tertentu kepada pelajar. Selepas itu kena sediakan juga bahan sokongan bagi

	: lakonan.
Peserta 5	: Kita kena sediakan tajuk bagi pelajar supaya mereka dapat menghayati senario dengan watak-wataknya. Kita sebagai fasilitator dengan murid mempamerkan suatu isu bersama penyelesaiannya.
Soalan 12 Penyelidik :	Adakah guru rasa ia mengambil masa bagi perancangan dan pelaksanaan?
Peserta 1	: Tidak
Peserta 3	: Tidak. Murid seronak berlakon
Peserta 5	: Tidak

Berdasarkan temubual diatas, peserta 1 sudah ada pengalaman merancang kaedah simulasi semasa pengajaran. Proses perancangan bagi kaedah ini juga menampakkan ada kesinambungan antara beberapa langkah. Disamping itu, mengikutnya kaedah simulasi tidak mengambil masa bagi perancangan dan pelaksanaan.

Peserta 3, pula menyatakan bahawa Kaedah simulasi perlu dirancang dahulu berpandukan tema dan seterusnya memberikan watak-watak tertentu kepada pelajar. Bahan sokongan juga disediakan bagi lakonan simulasi. Ini menunjukkan peserta 3, jelas dengan perancangan bagi pelaksanaan kaedah simulasi dan ia tidak membebankannya bagi persediaan. Malahan, mengikutnya kaedah simulasi ini amat menyeronokkan pelajar.

Secara rumusnya, ketiga -tiga Informan mempunyai pengalaman dalam perancangan kaedah simulasi secara sistematik dimana simulasi diwujudkan supaya menyerupai situasi sebenar tetapi dalam bentuk yang dipermudahkan, diringkaskan atau dikecilkan supaya masalah atau isu yang berkaitan lebih mudah diselesaikan. Dalam kaedah ini, guru mempunyai beberapa tanggungjawab, memilih satu masalah atau isu yang melibatkan minat atau pandangan yang berlawanan dan memastikan unsur-unsur utama masalah atau isu terkandung dalam simulasi. Seterusnya mengenal pasti konsep-konsep yang terlibat dalam masalah atau isu berkenaan.

### Kekerapan Penggunaan Kaedah

Kaedah pengajaran seseorang guru merupakan komponen yang penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang telah dirancang dengan baik akan membawa hasil prestasi yang dikehendaki. Kekerapan penggunaan sesuatu kaedah menandakan pemahaman yang mendalam seorang guru terhadap kaedah tersebut. Berikut adalah daptatan bagi soalan ketiga di bahagian 2

Soalan 13 Penyelidik :	Adakah guru pernah menggunakan kaedah simulasi ini semasa pengajaran Pendidikan Moral?
Peserta 1	: Pernah tapi sangat jarang
Peserta 3	: Ada
Soalan 14 Penyelidik :	Berapa kerap guru menggunakan dalam sebulan?
Peserta 1	: mm,,dua kali mesti ada
Peserta 3	: Sekurang-kurangnya 3 kali

Daptatan daripada temubual bersama peserta 1 menunjukkan kaedah simulasi sudah biasa dilaksanakan semasa matapelajaran Pendidikan Moral. Kekerapan sebanyak 2 kali sewaktu PdPc

menunjukkan peserta berupaya terhadap pelaksanaan kaedah ini. Peserta 3 juga pernah melaksanakan kaedah simulasi ini semasa matapelajaran Pendidikan Moral. Kekerapan pelaksanaan kaedah ini sebanyak 3 kali sebulan menandakan peserta sudah mahir dan banyak pengalaman.

### Tema 3

Bagi tema yang ketiga pula, penyelidik telah mengukur keupayaan guru-guru terhadap implementasi kaedah pengajaran simulasi semasa amali sivik dalam matapelajaran Pendidikan Moral. Tema ini akan menjawab persoalan ketiga dalam kajian ini iaitu sejauh manakah keupayaan guru terhadap pelaksanaan kaedah simulasi ini.

### Kecekapan

Menurut Johnson (1992), profesionalisme keguruan adalah kualiti pekerjaan atau sifat yang ada dalam kecekapan dan kemahiran untuk mengajar. Seseorang guru dikatakan profesional apabila beliau cekap menggunakan strategi dalam menguruskan pengajarannya. Kecekapan seorang guru akan sentiasa diperhati dan dinilai oleh masyarakat dan organisasi. Berikut adalah dapatan bagi soalan pertama di bahagian 3

- |                        |   |
|------------------------|---|
| Soalan 15 Penyelidik : | Adakah kaedah pengajaran dan pembelajaran simulasi sesuai digunakan dalam penerapan amali sivik?  |
| Peserta 1 :            | Kurang sesuai, kerana ia memerlukan tempoh masa untuk persediaan dan pelaksanaan. Setakat nak adakan minggu keempat saja, memang kurang sesuai. |
| Peserta 2 :            | mmm rasa sesuai juga, kerana murid akan memainkan peranan   |
| Peserta 4 :            | Sesuai juga, kerana murid akan rasa situasi sebenar semasa berlakon   |

Berdasarkan dapatan temubual bersama peserta 1 menyatakan kaedah simulasi kurang sesuai kerana mengambil masa untuk persediaan serta pelaksanaan. Ini kerana amali sivik ini hanya berlangsung pada minggu keempat sahaja.

Peserta 2 pula menyatakan bahawa kaedah simulasi ini sesuai dijalankan semasa amali sivik dimana murid akan berlakon dan mengambil peranan dalam watak yang diberinya. Manakala, peserta 4 pula menyatakan kaedah simulasi sesuai dijalankan semasa amali sivik kerana murid akan merasai suasai seakan-akan sebenar semasa berlakon.

Kenyataan temu bual di atas dikukuhkan lagi dengan dapatan analisis dokumen peserta 1 yang mencatatkan kaedah yang digunakan semasa PdPc Pendidikan Moral ialah kaedah simulasi dimana penerapan nilai teras sivik hormat- menghormati. Murid membuat simulasi amalan toleransi dalam masyarakat. Di sini, kecekapan peserta tersebut dapat dinilai dalam menjalankan amali sivik dengan kaedah simulasi

### Kompetan

Kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Agus

Darma (2003), mentakrifkan kompetensi sebagai kemampuan atau kecekapan yang diperlihatkan seseorang ketika melakukan sesuatu bidang tugasnya. Kompetensi guru akan mewujudkan pengajaran dan pembelajaran berkesan agar maklumat yang disampaikan adalah bermakna, menarik minat serta mudah untuk diingati dan diaplikasikan.

Berikut merupakan dapatan bagi soalan ketiga di bahagian 3

- Soalan 16 Penyelidik : Adakah guru yakin untuk melaksanakan kaedah simulasi dalam penerapan amali sivik ini?
- Peserta 1 : kurang yakin, kerana ia memerlukan masa yang lama untuk untuk persediaan.
- Peserta 2 : yakin tu kurang pasti, kerana kita perlu tunggu 3 minggu untuk Pelaksanaannya.
- Peserta 5 : Bagi amali sivik , saya kurang pasti kerana sebulan sekali pada minggu keempat je. Takkun murid dan guru perlu menunggu setiap bulan begini.

Dapatan temubual bagi bahagian 3, mendapati ketiga-tiga peserta masih kurang yakin untuk melaksanakan kaedah simulasi dalam penerapan amali sivik. Peserta 1 menyatakan bahawa perancangan dan pelaksanaan bagi kaedah simulasi memerlukan tempoh waktu yang panjang. Peserta 2 dan 5 pula menyatakan perlu menunggu selama 3 minggu untuk pelaksanaan dua waktu matapelajaran Pendidikan Moral.

Keluhan berkenaan hanya dapat dilihat dalam sesi temubual sahaja. Data daripada analisis dokumen dan pemerhatian tidak menunjukkan sebarang rekod yang mengatakan perancangan dan pelaksanaannya memerlukan tempoh waktu yang panjang.

### Rumusan Dan Perbincangan

Daripada kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa persediaan guru-guru dalam pemahaman Modul Exemplar ini di tahap yang sederhana. Ulasan mengenai keperluan khusus sangat diperlukan memandangkan guru tidak mendapat input terus dan hanya melalui kursus dalam sekali sahaja selepas dasar ini baru dilaksanakan pada Jun 2019. Tempoh pelaksanaan pada minggu keempat juga antara faktor Pendidikan Sivik ini tidak diberi perhatian khusus dan tidak diberi keutamaan. Ia dirumitkan lagi dengan cetusnya krisis global akibat penularan pandemik COVID-19 yang melumpuhkan pengajarn dimana guru-guru berhadapan dengan situasi mencabar dengan adaptasi norma baharu. Amali sivik terus dipinggirkan dalam dunia pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara atas talian.

Walaupun guru-guru mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Moral dan aktiviti berdasarkan kaedah simulasi, namun pelaksanaan semasa amali sivik masih diragukan. Ini kerana faktor masa yang sangat terhad iaitu dua waktu pada minggu terakhir. Tetapi persediaan untuk kaedah simulasi ini memerlukan pelbagai peringkat persediaan seperti yang terkandung dalam protokol pemerhatian. Maka, ia adalah antara cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh guru-guru.

## Kesimpulan

Penyelidik berpendapat latihan dan penjelasan secara terperinci perlu didedahkan kepada guru-guru sebagai persediaan untuk melaksanakan model pengajaran simulasi di peringkat sekolah. Ia mungkin dapat memperkayakan lagi pengetahuan dan pendedahan guru mengenai model pengajaran ini. Peserta yang tidak yakin terhadap modul ini kerana mereka kurang memahami dan menguasai konsep modul amali sivik ini, walaupun mereka telah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran secara kursus dalaman. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa peserta kurang bersedia dalam mengawal kelas semasa proses pengajaran dijalankan. Begitu juga terdapat peserta yang menyatakan mereka bimbang dengan pelaksanaan amali sivik dengan kaedah simulasi dimana ia melibatkan semua murid.

## Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aida Suraya bt. Hj. Md. Yunus (1999). *Skim nombor perpuluhan bagi murid tahun lima Sekolah rendah*. Tesis Ph. D. yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77-101
- Chang (2005). *Pendekatan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dalam Milenium Baru*. Google e-book, Diakses pada 26 Jun 2020 daripada [https://books.google.com.my/books?id=gWQ\\_nQAACAAJ](https://books.google.com.my/books?id=gWQ_nQAACAAJ)
- Habsah Mohamed. (2014). *Hubungan gaya pengajaran guru terhadap gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar tingkatan empat di Putrajaya*. Bangi: Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia. Harmaniza Ishak. 2016. Hubungan antara penerimaan
- Jones. (1987). *Simulation: A handbook for teachers and trainers*. London: Kogan Page Ltd. Jones, K. 1992. *Simulations in language teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.mMcDiarmid, G. W., Ball, D. L., & Anderson, C. A. (1989). *Why saying one chapter ahead doesn't really work: subject-specific pedagogy*. Dalam M. Reynolds (Ed.), Knowledge Base for the beginning teacher. Oxford, UK: Pergamon.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Amla Mohd Salleh. (2015). *Kompetensi Kewarganegaraan di Malaysia*. Laporan Penyelidikan Program Kesepaduan Sosial Negara.
- Nadarajan Thambu. (2014). *Penggunaan Teater Forum Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral*. Tesis doctor Falsafah yang diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur Palys, T. (2008).
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Retrieved from <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPPM/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Purposive Sampling. In L. M. Given, *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. California: SAGE Publications, Inc.
- Rosdi bin Md. Din. (2000). “*Kaedah Simulasi : Suatu Tinjauan Terhadap Kefahaman Dan Masalah Guru-guru Sains Di Sekolah Rendah Daerah Kuantan, Pahang*”. Projek Sarjana Muda. UTM.
- Siti Hasnah, B., Mohd Mahzan, A., & Abdul Razaq, A. (2017). *Penerapan kompetensi kewarganegaraan melalui pelaksanaan pendidikan sivik dan kewarganegaraan dalam*

*kalangan guru sekolah menengah di Malaysia. Persidangan Penyelidikan Pendidikan, December 2017, 1014–1020.*

Yahya Othman. (2012). *Humor dalam pengajaran bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.